

PM tentukan calon BN Parlimen Putrajaya

BH 23 APR 2002

KUALA LUMPUR, Isnin - Kebanyakan pemimpin tertinggi Umno hari ini menganggap keputusan meletakkan calon Barisan Nasional (BN) bagi bertanding kerusi Parlimen Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya boleh diputuskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka berpendapat, Badan Perhubungan Umno Selangor boleh mengemukakan cadangan supaya anak Selangor diutamakan menjadi calon, tetapi kepu-

tusan itu masih memerlukan persetujuan Pengerusi BN yang juga Presiden Umno itu.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak berkata, hanya Dr Mahathir boleh membuat keputusan.

"Saya enggan mengulas mengenai perkara ini, tetapi mengikut kebiasaannya presiden parti akan membuat keputusan," katanya.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muham-

mad Muhd Taib berkata, cadangan yang dikemukakan itu baik tetapi cara terbaik ialah menyerahkan kepada presiden parti menentukannya.

"Jika rasional cadangan itu diterima pucuk pimpinan, apa salahnya (untuk diterima) kerana Selangor pun ada membuat pengorbanan kepada Persekutuan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor

berkata demikian mengulas kenyataan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo yang mahukan anak Selangor diberi keutamaan menjadi calon BN di kawasan itu.

Dr Mohamad Khir berharap anak Selangor diberi keutamaan menjadi calon BN bertanding dalam pilihan raya Parlimen Putrajaya jika Dr Mahathir enggan bertanding di situ dan mahu mengekalkan kerusi Parlimen Kubang Pasu.

▼